



PROFIL SYARIKAT



IBU PEJABAT



12A, Jalan Niaga Bestari 8,
Puncak Bestari,
42300 Bandar Puncak Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



03-3392 6540



Admin@lagendaarmada.com

PEMAJU PERUMAHAN DAN KONTRAKTOR BINAAN

Kami merupakan syarikat pemaju perumahan, kontraktor binaan dan perunding hartanah bumiputera yang berlesen serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ditubuhkan pada tahun 2020 dengan matlamat untuk terlibat di dalam industri pemajuan hartanah dan binaan.



LATAR BELAKANG

"MENYEDIAKAN KEDIAMAN BERKUALITI
UNTUK KESEJAHTERAAN KOMUNITI DAN
KELESTARIAN ALAM."



Lagenda Armada Sdn. Bhd. ialah sebuah syarikat pemaju perumahan dan perunding hartanah yang berlesen dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ditubuhkan pada tahun 2020, syarikat ini bertekad untuk menjadi peneraju dalam industri pemajuan hartanah dan pembinaan di Malaysia.

Sebagai pemaju yang komited, Lagenda Armada Sdn. Bhd. memainkan peranan penting dalam pembinaan projek perumahan mampu milik. Projek-projek yang dilaksanakan lebih tertumpu kepada pembinaan kediaman untuk kakitangan awam, dengan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), sejajar dengan misi syarikat untuk menyediakan kediaman berkualiti kepada masyarakat.

Selain peranan sebagai pemaju, syarikat ini turut menawarkan perkhidmatan konsultasi am dalam bidang pengurusan hartanah. Perkhidmatan tersebut meliputi aspek perundingan, jualan, dan pengurusan, yang direka untuk memenuhi keperluan pelanggan dengan pendekatan yang profesional dan menyeluruh.



Di samping itu, Lagenda Armada Sdn. Bhd. turut terlibat dalam pembinaan dan pengurusan gudang Petronas. Dengan kepakaran dalam sektor pembinaan, syarikat ini memastikan setiap projek gudang dibangunkan mengikut spesifikasi ketat serta piawaian keselamatan yang tinggi. Selain pembinaan, syarikat juga menyediakan perkhidmatan pengurusan fasiliti gudang, termasuk penyelenggaraan dan kawalan operasi bagi memastikan kelancaran logistik pelanggan korporat.

Dengan pengalaman dan kemahiran mendalam dalam industri pembinaan, Lagenda Armada Sdn. Bhd. sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik. Kepakaran dalam teknologi pembinaan moden, pendekatan saintifik, dan pengurusan yang cekap menjadikan syarikat ini sebagai pilihan utama pelanggan.

Walaupun masih baru dalam industri, Lagenda Armada Sdn. Bhd. telah membuktikan kebolehannya sebagai peneraju dalam pembangunan perumahan mampu milik. Syarikat ini turut dikenali kerana inovasi dan penyelesaian kreatif dalam memastikan keperluan masyarakat dipenuhi dengan berkesan.

Dengan rasa bangga atas pencapaian yang diraih, Lagenda Armada Sdn. Bhd. berazam untuk terus menjadi penyumbang utama dalam menawarkan perkhidmatan perundingan pemilikan rumah yang kompetitif. Kami berkomitmen untuk menyediakan alternatif yang lebih baik kepada golongan sasaran, membantu mereka merealisasikan impian memiliki kediaman sendiri.

"MEREALISASIKAN IMPIAN DAN
MEMBINA KOMUNITI MELALUI
PERUMAHAN MAMPU MILIK."





OBJEKTIF KAMI

01 PEMBANGUNAN PERUMAHAN BERKUALITI DAN LESTARI

Objektif utama kami dalam pembinaan perumahan adalah menyediakan kediaman yang berkualiti, mampu milik, dan berdaya tahan untuk memenuhi keperluan masyarakat. Kami juga komited memastikan kelestarian alam sekitar sambil memperkukuh hubungan sosial dalam komuniti yang dibangunkan.

02 KEPELBAGAIAN PERUMAHAN UNTUK KOMUNITI

Kami berusaha meningkatkan kapasiti perumahan, mengurangkan kekurangan tempat tinggal, dan menyediakan kepelbagaian jenis kediaman. Langkah ini memastikan keperluan pelbagai lapisan masyarakat dapat dipenuhi secara mampan, inklusif, dan lestari.

03 KESEJAHTERAAN DAN PERPADUAN KOMUNITI

Melalui pendekatan ini, kami tidak hanya menyediakan kediaman yang mampu milik dan berkualiti, tetapi juga memberi penekanan kepada kesejahteraan masyarakat. Usaha ini memperkukuh perpaduan komuniti sambil memajukan taraf hidup secara menyeluruh.

"UNTUK KEHIDUPAN BERKUALITI,
KOMUNITI HARMONI."





MISI KAMI

- Komited untuk memastikan pemajuan hartanah dan pembinaan infrastruktur adalah berkualiti dan menepati jadual.
- Bertanggungjawab membina rumah yang bermutu dan terbaik kepada pembeli ke arah merealisasikan visi syarikat sebagai pemaju hartanah yang terkemuka.
- Menjadi pemaju yang terbaik kepada pelanggan dengan menawarkan hartanah kediaman dan komersil yang berpatutan dan berkualiti tinggi.
- Melaksanakan projek yang diamanahkan dengan cekap dan cemerlang demi memenuhi kehendak pelanggan.

VISI KAMI

- Menjadi pemangkin kepada pembangunan hartanah dan pemasaran melalui skim pemilikan perumahan yang fleksibel.
- Memacu keupayaan prospek untuk mendapat nilai pelaburan yang setanding dengan nilai hartanah semasa.
- Menjadi pemaju dan perunding utama dalam setiap urusaniaga melibatkan sektor pembinaan dan perkhidmatan.



KENYATAAN PENGARAH SYARIKAT



“

“Saya memulakan penglibatan dalam bidang pembangunan hartanah pada sekitar tahun 2004. Pada mulanya saya bertugas sebagai penyelia tapak di sektor pengurusan dan servis. Beberapa tahun kemudian saya mula menyertai syarikat ejen hartanah untuk menimba pengalaman.

Selepas beberapa tahun mendalami bidang jualan hartanah saya mula menubuhkan syarikat saya sendiri iaitu Lagenda Armada Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat pembangunan kontraktor binaan dan pemaju Perumahan yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Syarikat ini juga merupakan syarikat perunding dan pengurusan projek hartanah dengan gabungan anak syarikat di bawah satu bumbung.

Selaras dengan misi negara, saya komited dalam membantu masyarakat dalam pemilikan hartanah berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan. Menjadi sebahagian daripada misi dan visi syarikat, saya juga ingin membantu lebih ramai usahawan muda yang berminat dalam bidang hartanah dan pembinaan dalam program-program anjuran syarikat kelak.”

”

- DATO' SHAHARIZAL BIN GHAZALI

Pengasas & Pengarah Urusan Lagenda Armada Sdn. Bhd.




MAKLUMAT SYARIKAT

NAMA SYARIKAT	LAGENDA ARMADA SDN. BHD.
NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	202001041915 (1398236-A)
TARIKH DIDAFTARKAN	17 DISEMBER 2020
MODAL BERBAYAR	RM 1,300,000.00
MODAL PUSINGAN	RM 1,300,000.00
ALAMAT BERDAFTAR	SUITE 42-1, 1ST FLOOR, JALAN RAMPAI NIAGA 4, RAMPAI BUSINESS PARK, 53300 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.
ALAMAT PERNIAGAAN	NO. 12A, JALAN NIAGA BESTARI 8, PUNCAK BESTARI, 42300 BANDAR PUNCAK ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
NO. TELEFON	03-3392 6540
E-MEL	ADMIN@LAGENDAARMADA.COM
LAMAN SESAWANG	WWW.LAGENDAARMADA.COM
PENGARAH SYARIKAT	DATO' SHAHARIZAL BIN GHAZALI
SETIAUSAHA SYARIKAT	RAFEE SHAFIQ & CO., SUITE 42-1, 1ST FLOOR, JALAN RAMPAI NIAGA 4, RAMPAI BUSINESS PARK, 53300 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.



CARTA ORGANISASI





PENGURUSAN

Lagenda Armada Sdn. Bhd. kini melaksanakan pelan penyusunan semula strategik yang merangkumi pengambilalihan projek-projek terbengkalai oleh kontraktor G7. Langkah ini menjadikan Lagenda Armada Sdn. Bhd. aktif dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan pembinaan, khususnya bagi pembangunan kediaman mampu milik. Dengan sokongan pasukan pengurusan berpengalaman serta kemahiran teknikal yang mantap, Lagenda Armada Sdn. Bhd. mengutamakan amalan pembinaan yang mengoptimumkan kecekapan projek. Selain itu, syarikat ini turut menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam kebanyakan projek untuk meningkatkan produktiviti dan mutu pembinaan.

Menurut Pengarah Urusan Lagenda Armada Sdn. Bhd., Dato' Shahrizal Bin Ghazali, pelaksanaan pelan regularisasi ini dijangka mengembalikan syarikat kepada kedudukan kewangan yang lebih stabil dan kukuh.

Berbekalkan pengalaman luas dalam industri pembinaan, Lagenda Armada Sdn. Bhd. melihat IBS sebagai teknologi inovatif yang mampu mempercepatkan proses pembinaan tanpa menjejaskan kualiti hasil kerja. Syarikat kini memperluaskan hubungan dengan pihak industri yang terlibat dalam penggunaan teknologi IBS, menjadikannya salah satu teras utama dalam aktiviti perniagaan Lagenda Armada Sdn. Bhd.

Selain pembinaan kediaman, syarikat ini turut terlibat dalam projek pembinaan dan pengurusan gudang Petronas. Sebagai syarikat minyak dan gas utama negara, Petronas memerlukan fasiliti berkualiti tinggi bagi menyokong operasinya. Lagenda Armada Sdn. Bhd. memastikan setiap projek gudang dibina mengikut spesifikasi industri serta menyediakan perkhidmatan pengurusan yang cekap bagi memastikan kelancaran operasi logistik.

Keutamaan Lagenda Armada Sdn. Bhd. adalah menyelaraskan setiap aspek kerja, termasuk perancangan awal, pengurusan vendor dan pembekal, serta memastikan kepuasan pelanggan terhadap kualiti dan hasil kerja. Selain itu, Lagenda Armada Sdn. Bhd. turut memberi fokus kepada aktiviti penambahbaikan kediaman dan pejabat (home improvement), menjadikannya sebahagian daripada penawaran utama syarikat.



PENCAPAIAN KAMI



DENGAN LEBIH 15 TAHUN PENGALAMAN DALAM INDUSTRI

Kami memahami bahawa rumah bukan sekadar tempat tinggal, tetapi ruang di mana impian tercipta, harapan dibina, dan kebahagiaan dikongsi bersama keluarga tersayang.

20 +

Kakitangan Mahir

45 +

Pilihan Binaan

140 +

Rumah Siap Dibina

RM17 JUTA+

Jualan Keseluruhan



LAGENDA ARMADA SDN. BHD.



PENSIJILAN & PENGIKTIRAFAN





PENSIJILAN & PENGIKTIRAFAN


PERAKUAN PENDAFTARAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa kontraktor yang dinyatakan di bawah ini telah berdaftar dengan Lembaga mengikut Bahagian VI Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994. Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan bersama perakuan ini.

No. Pendaftaran	:	0120221109-WP108830
Nama Kontraktor	:	LAGENDA ARMADA SDN. BHD.
Alamat Berdaftar	:	SUITE 42-1, 1ST FLOOR, JALAN RAMPAI NIAGA 4, RAMPAI BUSINESS PARK 53300 TAMAN PERMATA
Daerah	:	KUALA LUMPUR
Tarikh Mula Berdaftar	:	09/11/2022

<u>GRED</u>	<u>KATEGORI</u>	<u>PENGKHUSUSAN</u>
G7	B	B04
G7	CE	CE21
G7	ME	M15

Tarikh Mula Berkuatkuasa :	09/05/2023
Tarikh Habis Tempoh Perakuan :	08/11/2024

STATUS: BARU


Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tarikh: 09/05/2023





PENSIJILAN & PENGIKTIRAFAN


SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



BORANG 9
AKTA SYARIKAT 1965

[Seksyen 16(4)]
CERTIFIED TRUE COPY

No. Syarikat - MyCoID
1208680 P

AMSYARI FARIZ (RMA 25854)
COMPANY SECRETARY

PERAKUAN PEMERBADANAN SYARIKAT SENDIRIAN


Dengan ini diperakui bahawa

RMS PRO RESOURCES SDN. BHD.

telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, pada dan mulai dari 11 haribulan November 2016, dan bahawa syarikat ini adalah sebuah syarikat berhad menurut syer dan bahawa syarikat ini adalah sebuah syarikat sendirian.

Dibuat di bawah tandatangan dan meterai saya di Kuala Lumpur pada 11 haribulan November 2016.




DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER
PENDAFTAR SYARIKAT
MALAYSIA

User: hafsaah ahmad Date: 11/11/2016 9:55:50 AM



PENSIJILAN & PENGIKTIRAFAN





PENSIJILAN & PENGIKTIRAFAN


KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT

N O. SIJIL	: K98463602664015882
N O. RUJUKAN PENDAFTARAN	: 357-0002411976
TEMPOH SAH LAKU	: 31/10/2024 - 30/10/2027

Bahawa dengan ini diperakui syarikat :

LAGENDA ARMADA SDN. BHD. (1398236-A)
NO. 12A, JALAN NIAGA BESTARI 8,
PUNCAK BISTARI,
PETALING
42300 SHAH ALAM
SELANGOR, MALAYSIA

Telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah sektor, bidang dan sub-bidang seperti di Lampiran A. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan di Lampiran B. Individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan adalah seperti berikut :

DATO' SHAHARIZAL BIN GHAZALI		DIRECTOR
PUAN NOOR AIN AMALINA BINTI MOHD SAID		ASST. MANAGER
PUAN NUR AZIRA BINTI MOHAMAD TAIB		ASST

t.t

DATO' INDERA AB RAHIM BIN AB RAHMAN
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Tarikh Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia : 31/10/2024

(Sijil ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan)



PENSIJILAN & PENGIKTIRAFAN



PETRONAS

LICENSE TO SUPPLY PRODUCT/SERVICE TO EXPLORATION AND OIL/GAS COMPANIES IN MALAYSIA

In exercising the powers conferred by Section 7, Petroleum Development Act 1974 and in accordance to Regulation 5 of the Petroleum Regulation 1974, delegated to me by the Prime Minister of Malaysia, I hereby issue the license under Regulation 3 of the Petroleum Regulation for the purpose of the above to:

Certificate generated at: 10.12.2024

LAGENDA ARMADA SDN. BHD. (202001041915)
SUITE 17-2, 2ND FLOOR, JALAN SERI REJANG 1, TAMAN SRI RAMPAL, 53300 KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN.

Details of License are as follows:

Company's No	: 202001041915
Type of Company	: License
Duration of License	: 10.12.2024 - 09.12.2027
License Fee	: RM 1500.00
Categories of Product/Service	: As attached in 'CATEGORIES OF LICENSE / REGISTRATION'.

Special Conditions impose onto this license:-
Subject to the special conditions as attached.
General requirements of this License are as stated in the next page.

Reminder: License Must Apply For Renewal 4 Months Before The Expiry Date.

PETRONAS LICENSE GENERAL CONDITIONS

1. Company is required to register, obtain a license, permit or authorization from the relevant authority to carry out the services or supply of product or material used in company's operation and activities;	f. Sub-contract work to another contractor without written permission from PETRONAS.
2. This license is not transferable to any company/other party;	g. Reject any contract or tender awarded.
3. This license will be revoked if the company is found to be in the process of liquidation, winding-up or dissolution;	h. Entering or accepting contract or tender during the license suspension period.
4. Company shall inform PETRONAS on any changes related to company's position such as equity ownership, board of directors and management staff within fourteen (14) days . Failure to do so can result in revoke of License;	i. Provide false, inaccurate or misleading information.
5. Company should take immediate action to adhere to the special conditions imposed as stated in the appendix of the PETRONAS license certificate and to inform PETRONAS on the progress of this action;	j. Does not follow tender's regulations and ethics including but not only limited to sending poison-pen letters, bribing or lobbying.
6. Company is not allowed to take another company as principal, agent, sub-contractor or otherwise to provide any service or supply of any facility, fittings or equipment on its behalf without prior written consent from PETRONAS;	k. Engaged in any impropriate activities with this License.
7. Company shall allow PETRONAS representatives for inspection visit / site / company audit and review / copy of documents and interviewing employees and related parties;	11. According to Act 9, Petroleum Acts 1974, a person who initiate or continue any business or continue providing services as mentioned in Act 3 without a license or do not comply with any condition of the license is committing a crime and can be fined not exceeding RM50,000.00 (Fifty Thousand Ringgit) or imprisonment for a period not more than two (2) years or both and in respect of each continuous crime, it is subject to further fine of RM1,000.00 (One Thousand Ringgit) for every one (1) day or any part of one (1) day which the offense continues after the first conviction is recorded;
	12. This approval is not an agreement/guarantee that your company will be called to participate in a tender or quotation of PETRONAS or its subsidiaries;



PENSIJILAN & PENGIKTIRAFAN

8. This License must be shown to PETRONAS's officers when it is required for inspection;
9. This License is only valid for services and supply of products as stated in the appendix of the PETRONAS license certificate;
10. This company can be penalised if in PETRONAS' opinion, it has conducted one or more of the following:
- a. Failed to execute the award job until completion.
 - b. Failed to perform a contractual obligation or any other obligation under the law to partners, principals, agents, sub-contractors and others.
 - c. Received garnishee order.
 - d. Facing bankruptcy action.
 - e. Cannot be traced through the last address.
13. The company either by itself, through its employees, directors, agents or its employees;
- a. Not allow to use the logo of the PETRONAS's oil drop or the word "PETRONAS" or use any mark, logo or words or wearing typeface, font, which resembles the appearance or colour trademarks owned or used by PETRONAS or its subsidiaries ("the PETRONAS trademarks") in any form whether in printing materials, websites or hand board; and
 - b. Not allow to perform any act or in any way either directly or indirectly admits that it is a partner or have any connection/relationship with PETRONAS and/or its subsidiaries, UNLESS AND EXCEPT company is allowed to use reference [Company] is licensed by PETRONAS [No. license], under Act 3 Petroleum Act 1974.
14. This License may be revoked, suspended or blacklisted at any time if any of the above conditions, general conditions of PETRONAS license and registration and any other conditions set in PETRONAS License and Registration General Guidelines are not fulfilled.

COMPANY'S NAME : LAGENDA ARMADA SDN. BHD.

LICENSE NO : 202001041915

LICENSE PERIOD : 10.12.2024 - 09.12.2027

SPECIAL CONDITION						
FOR COMPANY						
No	Section	Remark	Effective Date	Due Date		
N/A	N/A	N/A	N/A	N/A		

CATEGORIES OF LICENSE / REGISTRATION							
APPROVED LICENSE CATEGORIES							
NO	L/R/PROVISIONAL	Service / Supplier Code	Special Condition	Mode of Operation	Principal Name (If Applicable)	Approval Date / Time	Expiry Date
1	License & Registration	21141314S Warehouse Management Services	No	Self-operated	Not Applicable	10/12/2024 12:00:36 PM	09/12/2027
2	License & Registration	21141312S General Storage Services - Open Yard	No	Self-operated	Not Applicable	10/12/2024 12:00:40 PM	09/12/2027
3	License & Registration	21141313S Non-bonded Warehouse	No	Self-operated	Not Applicable	10/12/2024 12:00:37 PM	09/12/2027
4	License & Registration	11101100S Building Landscape Design Services	No	Self-operated	Not Applicable	10/12/2024 12:00:21 PM	09/12/2027
5	License & Registration	21141310S Bulking Services Leasing/Rental	No	Self-operated	Not Applicable	10/12/2024 12:00:26 PM	09/12/2027

SPECIAL CONDITION						
FOR SWEC						
No	Service / Supplier Code	Section	Remark	Effective Date	Due Date	
N/A	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A	

*** END ***

This is a computer generated printout and no signature from PETRONAS is required.



PEMBANGUNAN TERKINI

NAMA PROJEK	TAMAN CINTA LAGENDA
JUMLAH UNIT	124 UNIT
PEMAJU	LAGENDA ARMADA SDN. BHD.
MULA PEMBANGUNAN	TAHUN 2025





PROJEK : **TAMAN CINTA LAGENDA**

Projek Taman Perumahan ini telah diumumkan oleh Dato' Shahrizal bin Ghazali dengan tujuan memudahkan pembelian dan pemilikan rumah. Berikut adalah lima sebab utama mengapa ramai rakyat Malaysia berjaya memiliki kediaman pertama mereka bersama Lagenda Armada Sdn. Bhd.:

1 - TIADA BAYARAN TEMPAHAN UNIT

Melalui pendekatan ini, kami tidak hanya menyediakan kediaman yang mampu milik dan berkualiti, tetapi juga memberi penekanan kepada kesejahteraan masyarakat. Usaha ini memperkukuh perpaduan komuniti sambil memajukan taraf hidup secara menyeluruh.

2 - URUSAN DOKUMEN DIPERMUDAHKAN

Melalui pendekatan ini, kami tidak hanya menyediakan kediaman yang mampu milik dan berkualiti, tetapi juga memberi penekanan kepada kesejahteraan masyarakat. Usaha ini memperkukuh perpaduan komuniti sambil memajukan taraf hidup secara menyeluruh.

3 - KELULUSAN PINJAMAN 100%

Salah satu kelebihan Lagenda Armada Sdn. Bhd. adalah peluang kelulusan pinjaman sehingga 100%. Ini memberikan peluang yang lebih besar kepada pembeli, terutama mereka yang tidak mempunyai masalah CCRIS, untuk memiliki rumah pertama mereka.

4 - TIADA KEPERLUAN DEPOSIT AWAL

Pembelian rumah subsale atau rumah baharu biasanya memerlukan deposit antara 5% hingga 10% daripada harga rumah. Namun, dengan Lagenda Armada Sdn. Bhd., pembeli rumah pertama tidak perlu menyediakan deposit, menjadikan proses pembelian lebih mudah dan tanpa beban kewangan awal.

5 - YURAN GUAMAN DAN PERJANJIAN JUAL BELI PERCUMA

Projek perumahan di Malaysia biasanya mengenakan bayaran untuk yuran guaman bagi perjanjian jual beli. Dengan Lagenda Armada Sdn. Bhd., yuran ini adalah PERCUMA, memberi penjimatan tambahan kepada pembeli.



PROJEK : **BINA RUMAH DULU, BAYAR KEMUDIAN**

Pakej “Bina Rumah Dulu, Bayar Kemudian” ini telah diumumkan oleh Dato’ Shahrizal bin Ghazali merupakan salah satu langkah Syarikat Lagenda Armada Sdn. Bhd. kearah membantu orang ramai untuk memiliki rumah idaman mereka dengan harga mampu milik.

Tiada sebarang caj dan bayaran dikenakan dahulu dari Lagenda Armada Sdn. Bhd. kepada anda. Antara projek rumah mampu milik yang ditawarkan kepada anda adalah dari harga RM 90,000.00 keatas, dan kami akan membina rumah anda tanpa bayaran pendahuluan. Ini disebabkan ramai pembeli-pembeli telah ditipu oleh kontraktor yang mangambil deposit dan tidak ada sebarang pembinaan dijalankan.





PROJEK : BINA RUMAH DULU, BAYAR KEMUDIAN



TEMUJANJI

Temujanji dengan klien, kami beri penerangan pakej-pakej yang tersedia dan pemberitahuan dokumen yang perlu disediakan.



LAKARAN PELAN

Kami mempunyai lakaran dan reka bentuk yang cukup banyak melebihi 100+ untuk pilihan pelanggan dan klien kami.



PEMBINAAN

Kami telah berjaya membina hampir 170 buah rumah dan mempunyai tenaga pekerja dari semua bidang pembinaan yang melebihi 10 tahun pengalaman.



SASARAN PEMASARAN



Lagenda Armada Sdn. Bhd. menyasarkan pembeli yang terdiri daripada orang awam yang mempunyai tanah untuk membina rumah Impian mengikut bajet sendiri.



Lagenda Armada Sdn. Bhd. membantu para pembeli yang dengan menyediakan khidmat nasihat atau penerangan sebelum pembeli bersetuju untuk membina rumah tanpa meminta bayaran deposit. Lagenda Armada Sdn. Bhd. cuba membantu pembeli dengan Skim Zero Deposit di mana ianya tidak merungsingkan pembeli dengan kos awalan.



Projek Bina Rumah Dulu, Bayar Kemudian telah diilhamkan oleh Pengarah Urusan Lagenda Armada Sdn. Bhd. sendiri iaitu Dato' Shahrizal bin Ghazali dengan matlamat ingin membantu tuan tanah yang memasang Impian untuk membina rumah di atas tanah sendiri dengan bajet yang mencukupi dan berpatutan. Acap kali kedengaran di media dan terpampang di akhbar kes melibatkan penipuan kontraktor di mana tuan rumah sudah membayar sejumlah wang deposit untuk membina rumah tetapi kontraktor tersebut menghilangkan diri dan rumah terbengkalai tidak berpenghuni.



Bermula Oktober tahun 2023 sehingga Januari tahun 2024, Lagenda Armada Sdn. Bhd. telah Berjaya membina rumah idaman dan sudah mencapai angka 80 buah rumah dan ini meliputi negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perak, Pahang dan Terengganu dengan nilai jualan sebanyak RM 9,681,755.00.



PERKHIDMATAN KAMI

Dengan adanya skim “Bina Rumah Dulu, Bayar Kemudian”, ia dapat memberi rasa selamat dan situasi menang-menang di antara tuan tanah dan pihak Lagenda Armada Sdn. Bhd. di mana pihak kami akan membina terlebih dahulu tapak rumah sehingga siap dan barulah tuntutan klaim mengikut peringkat rumah akan dilaksanakan secara berperingkat.

Tiada sebarang caj dan bayaran dikenakan dahulu dari Lagenda Armada Sdn. Bhd. kepada anda. Antara projek rumah mampu milik yang ditawarkan kepada anda adalah dari harga RM 90,000.00 ke atas, dan kami akan membina rumah anda tanpa bayaran pendahuluan, ini disebabkan ramai pembeli-pembeli telah ditipu oleh kontraktor yg mengambil deposit dan tidak ada sebarang pembinaan dijalankan.

Kami berkomitmen untuk menyelesaikan pembangunan rumah idaman anda dalam masa 35 hari. Hubungi kami untuk dapatkan rumah impian anda bersama keluarga tercinta dengan cepat.





PASUKAN KREATIF KAMI

MENERAJUI INOVASI DAN KREATIVITI DALAM KEMPEN PEMASARAN DAN PENGURUSAN PROJEK

Keberhasilan dan kejayaan kami bukan hanya bergantung kepada strategi yang dirancang dengan teliti, tetapi juga pada kreativiti luar biasa yang dimiliki oleh pasukan pemasaran kami. Setiap idea yang dihasilkan adalah langkah penting ke arah pencapaian yang hebat. Bersama Lagenda Armada Sdn. Bhd., kami berusaha mencipta perbezaan dan menerajui inovasi dalam setiap aspek kempen jualan perumahan dan pembinaan.

Strategi pemasaran yang efektif menjadi asas dalam menarik minat pembeli atau penyewa, termasuk pembangunan laman web, pengurusan media sosial, dan penghasilan bahan promosi yang profesional. Di samping itu, pengurusan projek yang cekap, termasuk penjadualan yang tepat, memastikan setiap aspek perancangan dilaksanakan dengan sempurna.





RUMAH SIAP DIBINA





RUMAH SIAP DIBINA





AKTIVITI SYARIKAT

- KURSUS BIJAK HARTANAH LAGENDA ARMADA SDN. BHD.





AKTIVITI SYARIKAT

- KURSUS BIJAK HARTANAH LAGENDA ARMADA SDN. BHD.



AKTIVITI SYARIKAT

- PENAJAAN KELAB HOKI BENTONG





PEJABAT



- IBU PEJABAT - BANDAR PUNCAK ALAM, SELANGOR





GALERI JUALAN

- BANDAR PUNCAK ALAM, SELANGOR





MINI OFFICE

- TANGKAK, JOHOR



- SETIU, TERENGGANU





TERIMA KASIH



HUBUNGI KAMI

Hubungi kami hari ini untuk merealisasikan idea anda! Sama ada untuk perniagaan, pertanyaan, atau kerjasama, pasukan Lagenda Armada Sdn. Bhd. sentiasa bersedia membantu.



IBU PEJABAT

12A, Jalan Niaga Bestari 8, Puncak Bestari,
42300 Bandar Puncak Alam,
Selango Darul Ehsan, Malaysia.



GALERI JUALAN

9, Jalan Niaga Bestari 5, Puncak Bestari,
42300 Bandar Puncak Alam,
Selango Darul Ehsan, Malaysia.



TEL

+603-3392 6540 (Ibu Pejabat)
+603-3132 6524 (Galeri Jualan)



E-MEL

admin@lagendaarmada.com



LANAN WEB

www.lagendaarmada.com



PEMAJU PERUMAHAN DAN
KONTRAKTOR BINAAN BUMIPUTERA.